



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



**PENINGKATAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH (KPS)  
MURID PINTAR BERBAKAT (PB): ANALISA DARI FILEM  
TERPILIH**

*IMPROVING THE HISTORICAL THINKING SKILL (HTS) OF GIFTED  
STUDENTS: ANALYSIS FROM THE SELECTED FILM*

Nurul Hafizah Maarof<sup>1\*</sup>, Nurul Suzaina Joli<sup>2</sup>, Nor Syamilah Md Zin<sup>3</sup>, Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz<sup>4</sup>, Azizah Mohd Zahidi<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: nurhafiedz83@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: nurulsuzaina@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: norsyamilahmdzin@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: rajaimran@ukm.edu.my

<sup>5</sup> Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
Email: deqya@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 16.10.2023

Revised date: 01.11.2023

Accepted date: 15.01.2024

Published date: 05.03.2024

**To cite this document:**

Maarof, N. H., Joli, N. S., Md Zin, N. S., Aziz, R. M. I. R. A., & Zahidi, A. M. (2024). Peningkatan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Murid Pintar Berbakat (PB): Analisa Dari Filem

**Abstrak:**

Era teknologi masa kini menjadikan pedagogi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Sejarah lebih dinamik. Filem merupakan salah satu alat bantu mengajar yang mengandungi elemen visual dan audio. Ianya dapat memudahkan pemahaman murid PB terhadap fakta-fakta Sejarah yang sebelum ini lebih banyak terkandung dalam buku teks. Pembelajaran subjek Sejarah bukan hanya sekadar untuk dihafal fakta-fakta di dalamnya malahan pembelajaran tersebut lebih bermakna apabila murid PB mampu untuk berfikir seperti seorang ahli Sejarawan. Kajian ini dijalankan bagi menilai peningkatan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) murid Pintar Berbakat (PB) dengan menggunakan dua filem yang bersesuaian dengan topik yang diajar dalam subjek Sejarah Asia Tenggara: Pasca-Kemerdekaan dan Nasionalisme dan Pembinaan Negara Bangsa. Kajian dijalankan ke atas 78 orang murid PB Kolej PERMATA@Pintar Negara, UKM dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Analisa ujian pra dan pasca murid PB digunakan

Terpilih. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 69-82.

DOI: 10.35631/IJMOE.620006

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



dengan menggunakan kaedah Ujian – t bagi melihat peningkatan KPS murid PB berdasarkan peratusan, median, min, dan sisihan piawai manakala ujian korelasi pula digunakan untuk menilai korelasi antara ujian pra dan pasca murid PB. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 73% orang murid PB suka menonton filem berunsurkan Sejarah dengan terdapat keberkesanan yang positif dari aspek peningkatan KPS murid PB berdasarkan ujian pra dan pasca yang dijalankan. Para guru dan murid PB harus memanfaatkan penggunaan filem berunsurkan Sejarah dalam PdPc mereka di dalam kelas. Dengan adanya teknologi terkini, ianya dapat memudahkan murid PB untuk menonton filem di mana sahaja mereka berada sebelum bermulanya pengajaran di dalam kelas oleh guru. Namun demikian, kaedah PdPc yang tersusun dan sistematik harus dilaksanakan oleh guru agar peningkatan KPS murid PB berlaku sesuai dengan objektif pembelajaran subjek Sejarah di sekolah.

#### Kata Kunci:

Filem, Kemahiran Pemikiran Sejarah, Pintar Berbakat

#### Abstract:

The current era of technology makes the pedagogy in the teaching and facilitation of the History subject more dynamic. Films are one of the teaching aids that contain visual and audio elements. It can make it easier for Gifted and Talented (GT) Students to understand History that was previously more contained in textbooks. Learning History is not just about memorizing the facts it is more meaningful when GT students are able to think like a Historian. This study was carried out to evaluate the improvement of the Historical Thinking Skills (HTS) of GT students by using two films that correspond to the topics taught in the subject of Southeast Asian History: Post-Independence and Nationalism and Nation-Building. The study was conducted on 78 GT students of National Gifted College, UKM by using the purposive sampling method. Analysis of pre-test and post-tests of GT students were used by using the t-test method to see the increase in HTS of GT students based on percentage, median, mean, and standard deviation while correlation tests were used to assess the correlation between pre-test and post-tests of GT students. The results of the study show that 73% of GT students like to watch History-based films with positive effectiveness from the aspect of improving the HTS based on the pre-test and post-tests conducted. Teachers and GT students should take advantage of the use of History films in the classroom. With the latest technology, it can make it easier for GT students to watch films wherever they are before the class starts. However, the organized and systematic method of pedagogy should be implemented by teachers so that the improvement of HTS of GT students takes place in accordance with the learning objectives of the History subject at school.

#### Keywords:

Film, Historical Thinking Skills, Gifted

## Pendahuluan

Sistem pendidikan hari ini telah berkembang sejajar dengan era globalisasi yang berlaku di seluruh dunia. Bagi berhadapan dengan cabaran ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan usaha untuk membawa perubahan ke arah kemajuan dan pembangunan sistem pendidikan negara. Perubahan ini bertujuan untuk memastikan setiap

murid mempunyai kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa dan setanding dengan pendidikan global. Bagi subjek Sejarah, kesepadan unsur-unsur tersebut dapat ditunjukkan melalui Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang merupakan salah satu faktor penting dalam memupuk kemahiran berfikir murid. Terdapat 5 elemen utama yang ditekankan dalam KPS. Pertama; memahami kronologi, iaitu memahami urutan masa dan peristiwa Sejarah. Kedua; meneroka bukti melibatkan kemahiran yang diperlukan untuk mengenal pasti dan membandingkan sumber primer dan sekunder untuk mendapatkan maklumat Sejarah. Ketiga; membuat interpretasi iaitu membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan berdasarkan bukti. Keempat; membuat imaginasi iaitu usaha melibatkan murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa Sejarah. Akhir sekali, membuat rasionalisasi yang mana melibatkan penggunaan akal fikiran dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah (KSSM: 2016). Pendidikan abad ke-21 menyediakan generasi muda untuk berfikir secara kreatif dan kritis bagi menangani perubahan global yang pesat dan berterusan (Jordan Maria et al., 2019).

Pembelajaran Sejarah dengan menggunakan sumber digital seperti filem merupakan salah satu pendekatan pedagogi yang sesuai dengan era teknologi masa kini. Oleh itu, mengaplikasikan kepelbagaiannya kaedah PdPc adalah penting kerana setiap murid mempunyai kebolehan, pencapaian, kecenderungan dan minat pembelajaran yang berbeza. Penggunaan filem secara meluas di dalam bilik darjah bukan sahaja menyokong kandungan pembelajaran atau buku teks yang digunakan, tetapi juga membantu dalam menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid (Wagner, 2018). Murid boleh berfikir tentang kepentingan, sebab dan kesan dari apa yang berlaku dan memberi tafsiran terhadap filem yang mereka tonton (Metzger, 2010a). Elemen KPS juga boleh dipertingkatkan dengan menonton filem kerana murid dapat mentafsir peristiwa lalu dan melihat kepentingannya pada hari ini (Metzger, 2010b).

Kaedah PdPc yang digunakan oleh guru dengan menjadikan buku teks sebagai rujukan utama dalam menyampaikan fakta serta dihafal oleh murid PB tidak lagi sesuai kerana ia hanya membosankan. Proses ini juga menjadikan KPS di kalangan murid PB tidak berlaku. Kemajuan teknologi hari ini telah mengubah cara murid melihat sesuatu, di mana sebarang maklumat lebih mudah diakses dari mana-mana peranti dan bukannya hanya fokus kepada apa yang guru sediakan di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu kreatif dalam menyediakan bahan pengajaran yang menarik agar murid tidak merasa terbebani dari segi kognitif atau emosi. PdPc subjek Sejarah menjadi bermakna apabila guru dapat menimbulkan minat murid dengan menggunakan kaedah yang sesuai dengan zaman teknologi masa kini bagi melahirkan murid yang berkebolehan berfikir seperti Sejarawan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisa peningkatan KPS murid PB melalui filem. Untuk membincangkan kajian ini dengan lebih terperinci dan khusus terdapat tiga objektif kajian:

1. Adakah murid gemar menonton filem yang berunsurkan Sejarah?
2. Adakah penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah dapat mempengaruhi peningkatan KPS murid PB berdasarkan markah ujian pra dan pasca?
3. Adakah terdapat hubungan peningkatan KPS dengan murid PB yang mempunyai umur yang berlainan?

## Ulasan Kajian Lepas

### **Filem dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)**

Kajian Muhammad Azmi (2017) membahaskan persediaan yang perlu disediakan oleh guru adalah berfasa-fasa. Pertama sebelum kelas bermula; memilih filem yang bersesuaian dan penyediaan instrumen, kedua apabila sesi kelas bermula; murid menonton filem yang diberikan oleh guru, dan ketiga setelah kelas selesai dijalankan; murid menjawab instrumen yang disediakan oleh guru, berkongsi jawapan bersama rakan-rakan di dalam kelas dan guru berkongsi kesimpulan yang mereka perolehi dari filem yang ditonton. Dalam kajian Stoddard (2012) menegaskan guru-guru membuat pemilihan secara teliti bagi filem yang hendak digunakan di dalam kelas bagi subjek Sejarah Amerika Syarikat. Aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh guru juga adalah yang bersesuaian dengan filem yang diberikan dengan menekankan aspek KPS bagi menggarap kemahiran berfikir di kalangan murid. Dalam kajian Wagner (2018), membahaskan guru-guru di beberapa Sekolah Tinggi Norway kebanyakannya menggunakan antara 2-4 filem setahun di dalam kelas. Guru membuat pemilihan terhadap filem yang bersesuaian serta kandungan maklumat yang tepat bagi memastikan matlamat pembelajaran tercapai. Namun begitu, guru juga memberi pilihan kepada murid yang ingin menonton dokumentari kerana berpendapat maklumat yang terkandung dalam dokumentari tersebut lebih tepat. Russell (2012) menegaskan pelbagai filem yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran di dalam kelas bagi subjek *World History*. Filem yang bersesuaian dengan topik *The Roman Empire* adalah filem yang bertajuk *Gladiator*. Manakala filem yang bertajuk *The Message* pula amat bersesuaian dengan topik *Islamic World*. Seterusnya, topik perbincangan mengenai *The Middle Ages* pasti akan lebih menarik sekiranya guru dapat memperkenalkan filem *Braveheart* kepada para pelajar. Akhir sekali, filem bertajuk *Mahatma Gandhi* pula amat bersesuaian dengan topik *Nationalist Movement*.

### **Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)**

Menurut kajian Nurul Hafizah Maarof et al. (2021) membahaskan KPS murid PB adalah lemah, terutamanya yang berada dalam gred sederhana (C dan D) dan rendah (E, F, G), walaupun mereka mempunyai IQ yang tinggi. Oleh itu, guru harus memantapkan kemahiran KPS mereka bagi memastikan murid PB dapat menguasai KPS dengan baik sejajar dengan IQ mereka. Menurut hasil kajian Kaviza (2021) menegaskan murid akan mendapat manfaat secara optimum di dalam bilik darjah sekiranya guru dapat meningkatkan kemahiran dan mengaplikasikan KPS dalam PdPc mereka. Tahap jati diri murid juga perlu diambil kira agar tidak ada murid yang berasa tersisih daripada KPS yang diamalkan di dalam kelas. Asyrul Fikri et al. (2022) membahaskan penggunaan buku teks serta menghafal fakta semata-mata menjadikan PdPc di dalam kelas tidak bermakna. Proses pembinaan KPS dalam kalangan murid memerlukan banyak komitmen serta kreativiti daripada guru termasuk menerapkan elemen kognitif seperti pemikiran kritis, kreativiti serta kebolehan menganalisa sumber Sejarah sedia ada untuk menghubungkan topik yang diajar di dalam kelas. Litvin (2022) dalam kajian beliau menegaskan penggunaan filem dalam PdPc dapat membantu murid memahami masa lampau dengan menggunakan kaedah interpretasi, menganalisa sumber Sejarah, dan menilai perspektif Sejarah yang berbeza-beza. Namun demikian, cabaran untuk guru juga amat sukar terutamanya dalam membuat tapisan terhadap kandungan filem yang berunsur ganas dan seksual.

### Pelajar Pintar Berbakat

Sebuah teori yang dikenali sebagai *The Three-Ring Conception of Giftedness* yang menggambarkan dimensi utama bagi potensi manusia yang produktif dan kreatif. Teori ini terdiri dari 3 elemen utama yang saling berhubung-kait iaitu *above average ability*, *task commitment* dan *creativity*. Elemen utama iaitu *above average ability* yang merangkumi penaakulan lisan dan nombor, penggubahan lagu, tarian balet, dan eksperimen. Diikuti oleh elemen keuda iaitu *task commitment* yang meliputi perbuatan yang disulami dengan ketekunan, tekad, berkehendak dan aura positif. Terakhir sekali adalah *creativity* iaitu rasa ingin tahu, kepintaran, dan kesediaan untuk mencabar kebiasaan yang sedia ada (Renzulli, 2012). Ciri-ciri yang terdapat pada murid PB ini boleh dilihat sejak mereka kecil lagi antaranya suka meneroka, dapat menerima pembelajaran dengan cepat, kemahiran penaakulan yang baik, rasa ingin tahu yang besar, dan mempunyai keyakinan yang tinggi. (Okoye, 2013). Teori *The Three-Ring Conception of Giftedness* adalah seperti **Rajah 1** di bawah.



**Rajah 1**

Sumber Renzulli (2012)

### Kajian Metodologi

Kaedah penyelidikan yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan adalah berbentuk kuantitatif yang mana data-data yang dikumpul dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS. Kaedah statistik deskriptif dipilih dengan mengkaji sampel yang diambil dengan mengumpul, menyusun, menganalisa dan mempersempahkan data dengan cara yang mudah untuk difahami.

### Peserta Kajian

Secara ringkasnya, responden yang dipilih dalam menjalankan kajian ini adalah secara bertujuan dengan mengumpulkan data-data daripada 26 orang responden yang berumur 16 tahun dan 52 orang responden yang berumur 17 tahun yang belajar di Kolej PERMATA@Pintar Negara, UKM. Para responden yang berumur 16 tahun mengambil subjek Sejarah Asia Tenggara: Pra-Kemerdekaan manakala responden yang berumur 17 tahun pula mengambil subjek Nasionalisme dan Pembinaan Negara Bangsa.

### Pengumpulan Data

Kajian soal selidik ini dijalankan dengan menggunakan kajian soal selidik tertutup yang menggunakan *skala likert* dengan 5 pilihan jawapan iaitu 1-5 (sangat setuju – sangat tidak setuju). Kajian soal selidik ini diguna pakai daripada Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad (2015) dari artikel bertajuk Gaya Belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pembelajaran Sejarah di Peringkat Universitas. Namun, ianya disusun semula dengan mengikut kesesuaian kajian yang berkaitan dengan peningkatan KPS melalui filem dalam kalangan murid PB. Soal selidik ini diberikan kepada semua responden dengan menggunakan

*Google Form* melalui kumpulan *Whatsapp* kelas. Contoh soal selidik yang diberikan kepada responded seperti **rajah 2** di bawah:

Item	Soalan
<b>Mengenali Bukti Sejarah</b>	Dengan menonton filem, ianya dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran pelajar dalam membandingkan sumber primer dan sumber sekunder dengan baik.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam menentukan sama ada bukti sejarah yang disampaikan itu sahih atau tidak sahih.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan dalam merujuk kepada bukti dan fakta yang sahih dalam Sejarah
<b>Interpretasi Sejarah</b>	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemampuan pelajar dalam menghuraikan fakta dari sudut pandang yang berbeza.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemampuan pelajar dalam menghubungkaitkan sumber dan bukti untuk membentuk fakta Sejarah.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam membandingkan antara fakta yang tepat dengan tidak tepat.
<b>Rasionalisasi Sejarah</b>	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk berbincang mengenai perkara-perkara yang berkaitan Sejarah dengan orang lain.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kebolehan pelajar dalam membina pendapat berdasarkan fakta yang dipercayai.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kebolehan pelajar dalam memahami kesan dan akibat daripada peristiwa Sejarah yang telah berlaku.
<b>Imaginasi Sejarah</b>	Dengan menonton filem, ianya boleh meningkatkan kemampuan pelajar dalam menjawai watak atau merasai seperti berada dalam situasi dalam filem tersebut. (contohnya dalam Filem, Kartini ; The Princess of Java - Anda berasa sangat sedih apabila Kartini dilarang untuk tidur bersama ibu kandungnya ketika kecil malahan hak ibu kandungnya juga dinafikan untuk mengaku bahawa Kartini itu adalah anak beliau / dalam Filem Viceroy's House - Anda berasa sedih apabila Alia dibawa pergi oleh tunangnya ke India lalu meninggalkan kekasihnya di Pakistan disebabkan oleh pemisahan negara yang berlaku iaitu India dan Pakistan oleh British)
	Dengan menonton filem, ianya boleh meningkatkan kebolehan pelajar dalam mengenalpasti siapa yang terlibat dalam peristiwa Sejarah yang berlaku, apa yang berlaku, di mana ia berlaku, sebab ianya berlaku dan kesan yang akan berlaku.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kebolehan pelajar dalam memahami maklumat-maklumat Sejarah yang cuba disampaikan melalui filem tersebut.

<b>Kronologi Sejarah</b>	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam membezakan peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kebolehan pelajar dalam mengenalpasti bagaimana sesuatu peristiwa itu berlaku pada masa yang lepas.
	Dengan menonton filem, ianya dapat meningkatkan kemahiran pelajar untuk membaca maklumat mengenai Sejarah dengan hanya merujuk kronologi Sejarah. (Penyusunan Peristiwa Mengikut Tarikh)

**Rajah 2: Contoh Soal Selidik**

Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad (2015)

Sebelum filem tersebut diberikan kepada responden, guru terlebih dahulu telah meneliti filem yang bersesuaian dengan subjek serta topik yang diajar. Terdapat banyak pilihan filem yang ada dalam saluran rancangan *Netflix* mahupun *Youtube* namun filem *Kartini: The Princess of Java* dipilih kerana ianya bersesuaian dengan topik yang diajar dalam subjek Sejarah di Asia Tenggara: Pra-Kemerdekaan iaitu Masyarakat di Indonesia. Manakala filem *Viceroy's House* pula dipilih kerana ianya bersesuaian dengan topik Dekolonisasi India di bawah tajuk Nasionalisme dan Pembinaan Negara Bangsa. Bagi memudahkan responden merujuk serta menonton filem yang diberikan oleh guru, aplikasi *Google Clasroom* digunakan. Dalam menilai peningkatan yang berlaku terhadap KPS responden, ujian pra dan pasca diberikan sebelum dan selepas filem tersebut ditonton. Soalan-soalan yang digunakan bagi ujian pra dan pasca adalah soalan yang sama berdasarkan topik serta filem yang ditonton oleh responden seperti **rajah 3** dan **4** berikut:

Minit	Soalan	Elemen KPS
32.00 minit - 33.10 minit	Apa yang akan berlaku sekiranya penulisan tersebut menggunakan nama Kartini sendiri dan dijadikan sebagai bacaan umum oleh masyarakat Jawa ketika itu. Jelaskan kebarangkalian yang akan berlaku dalam masyarakat Jawa ketika itu.	Kemahiran Kronologi
1 : 53. 40 minit - 1 : 54.20 minit	Segelintir masyarakat Indonesia tidak mengiktiraf perjuangan dan ketokohan Kartini kerana beliau tidak mengangkat senjata seperti pejuang-pejuang lain dalam berhadapan dengan penjajah untuk mendapatkan kemerdekaan negara. Adakah anda setuju dengan pandangan tersebut? Huraikan secara ringkas mengapa.	Kemahiran Meneroka Bukti
57.24 minit - 59.03 minit	Para pelajar diminta untuk menilai sejauh mana Kartini dipengaruhi oleh <i>Stella</i> yang merupakan seorang <i>feminist</i> (memperjuangkan hak wanita) untuk mengubah nasib kaum wanita di Jawa.	Kemahiran Interpretasi
4.42 minit - 7.37minit	Kartini tidak dibenarkan tinggal bersama ibunya sungguhpun mereka berada dalam satu kawasan rumah yang sama. Sekiranya anda berada di tempat tersebut apa yang anda rasa dan apa yang akan anda lakukan demi memastikan anda dapat bersama dengan ibu anda semula.	Kemahiran Imagination

26.27 minit - 28.40 minit	Ayahnya membawa Kartini, Kardinah dan Roekmini keluar dari rumah untuk memenuhi jemputan Pegawai Belanda ketika itu." Mengapa beliau sanggup mengetepikan adat Jawa yang dijunjung oleh masyarakat ketika itu?	Kemahiran Rasionalisasi
44.30 minit - 46.41 minit	Adakah gelaran <i>Brilliant</i> yang diberikan oleh Pegawai Tertinggi Belanda kepada Kartini serta adik-adiknya di hadapan Bupati-Bupati Jawa ketika majlis tersebut dapat merubah perspektif mereka terhadap kaum wanita di Jawa?	Kemahiran Rasionalisasi

**Rajah 3: Contoh Ujian Pra dan Pasca Bagi Filem *Kartini: The Princess of Java***

Minit	Soalan	Elemen KPS
1 : 32.15 minit - 1 : 33.10 minit	Huraikan implikasi yang berlaku dari penghijrahan manusia yang berlaku secara besar-besaran dalam sejarah manusia pada abad ke 20.	Kemahiran Kronologi
17.00 minit - 18.00 minit	Buktikan bahawa berlakunya kesengsaraan ke atas rakyat dari aspek ekonomi dan sosial ketika keberadaan British di India. Anda boleh merujuk dari mana-mana sumber (primer atau sekunder).	Kemahiran Meneroka Bukti
29.00 minit - 30.10 minit	Pertumpahan darah barangkali berlaku di antara mereka sekiranya tiada pihak yang cuba merelaikan perselisihan tersebut. Pada pandangan anda, adakah keberadaan British di India dapat membantu menyelesaikan isu ini. Jelaskan secara ringkas.	Kemahiran Interpretasi
1 : 28.43 minit - 1: 29.40 minit	Apakah akan terjadi hari ini sekiranya negara India dan Pakistan tidak ditubuhkan. Huraikan secara ringkas.	Kemahiran Rasionalisasi
1 : 12.30 minit - 1 : 13.56 minit	Apa yang akan berlaku sekiranya Alia berjaya memujuk ayahnya dan memilih Jeet sebagai pasangan hidupnya yang mempunyai pegangan agama yang berlainan? Huraikan secara ringkas.	Kemahiran Imaginasi
1 : 32.00 minit - 1 : 32.10 minit	Mahatma Gandhi tidur dengan nyenyak sekali tanpa mengambil kisah sambutan kemerdekaan yang disambut oleh rakyat India ketika itu. Jelaskan secara ringkas mengapa.	Kemahiran Interpretasi

**Rajah 4: Contoh Ujian Pra dan Pasca Bagi Filem *Viceroy's House*****Instrumen Kajian**

Berdasarkan Nilai Cronbach's Alpha bagi kajian soal selidik tertutup yang dijalankan adalah 0.917. Oleh yang demikian, kajian soal selidik yang telah digunakan kepada para responden yang berumur 16 - 17 tahun berkenaan dengan peningkatan KPS melalui filem dalam kalangan murid PB ini boleh dipercayai.

**Jadual 1: Nilai Cronbach's Alpha bagi Kebolehpercayaan Item**

Cronbach's Alpha	N of items
0.917	15

Nilai Cronbach's Alpha > 0.7

**Penganalisaan Data**

Setelah selesai soal selidik serta markah ujian pra dan ujian pasca dikumpulkan daripada para responden, perisian SPSS digunakan bagi menganalisa data-data berkaitan untuk diterjemahkan ke dalam graf dan jadual yang mudah difahami. Analisa yang dilakukan bagi kajian ini adalah analisa deskriptif. Ujian -t bersandar digunakan bagi mengenal pasti perbezaan bagi markah ujian pra dan ujian pasca responden dengan melihat mean, min, sisihan piawai dan nilai signifikan, ujian Korelasi Pearson digunakan bagi menilai kekuatan hubungan bagi pekali korelasi sama ada positif atau negatif dan akhir sekali Wilcoxon Signed Ranked Test digunakan bagi menguji nilai ujian pra dan pasca ujian murid PB secara statistik.

**Dapatan Kajian****Adakah Murid PB Gemar Menonton Filem Yang Berunsurkan Sejarah?**

**Rajah 5: Peratusan Sikap Murid PB Terhadap Filem Berunsurkan Sejarah**

Berdasarkan **rajah 1** di atas, 73% atau 57 orang murid PB suka menonton filem yang berunsurkan Sejarah manakala 27% atau 21 orang murid PB tidak suka menonton filem yang berunsurkan Sejarah.

**Adakah Penggunaan Filem Dalam PdPc Bagi Subjek Sejarah Dapat Mempengaruhi Peningkatan Markah Ujian Pra Dan Pasca Murid PB?****Jadual 2: Ujian -t Bersandar Bagi Pencapaian Markah Ujian Pra Dan Pasca**

	Mean (%)	Min (%)	Max (%)	N	Sisihan Piawai
<b>Ujian Pra</b>	56.6%	0	100%	78	21.4%
<b>Ujian Pasca</b>	93.4%	33%	100%	78	14.8%

Analisa ujian-t bebas digunakan untuk mengenal pasti peratusan pencapaian ujian pra dan pasca murid PB. Hasil ujian -t bersandar adalah seperti **Jadual 2** di atas. Ia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pra dan ujian pasca terhadap keberkesanan filem dalam peningkatan KPS murid PB dengan nilai ujian pra iaitu mean = 56.6%, min = 0% dan sisihan piaawai = 21.4% manakala nilai ujian pasca adalah mean = 93.4%, min = 33% dan sisihan piaawai = 14.8%.

**Jadual 3: Wilcoxon Signed Ranked Test<sup>a</sup>**

	Ujian Pasca (%) - Ujian Pra (%)
Z	-7.483 <sup>b</sup>
Asymp. Sig. (2-tailed)	0

Keputusan analisa dari **Jadual 3** menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu -7.483<sup>b</sup> terhadap ujian pra dan ujian pasca yang diberikan berdasarkan filem-filem terpilih yang dipertontonkan dalam peningkatan KPS murid PB.

**Jadual 4: Ujian Korelasi**

	N	Korelasi	Sig.
Ujian Pra &Ujian Pasca	78	0.264	0.02

Analisa ujian korelasi dalam **Jadual 4** di atas menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang positif antara ujian pra dan ujian pasca dengan nilai r = 0.264 dan sig = 0.02 ( $p < 0.05$ ).

#### *Adakah Terdapat Hubungan Peningkatan KPS Dengan Murid PB Yang Mempunyai Umur Yang Berlainan?*

**Jadual 5: Ujian –t bersandar Bagi Pencapaian Markah Bagi Ujian Pra Dan Pasca Berdasarkan Umur Yang Berlainan.**

	Umur	N	Min (%)	Median (%)
<b>Ujian Pra</b>	16	26	28.7 %	50%
	17	52	44.9 %	68%
<b>Ujian Pasca</b>	16	26	22.5 %	83%
	17	52	48 %	100%

Berdasarkan **Jadual 5** di atas, nilai ujian pra bagi murid PB yang berumur 16 tahun adalah min = 28.7% dan median = 50%, manakala nilai ujian pasca adalah min = 22.5% dan median = 83%. Berbeza dengan ujian pra bagi murid PB yang berumur 17 tahun iaitu min = 44.9% dan median = 68%, manakala nilai ujian pasca adalah min= 48% dan median = 100%. Ini menunjukkan bahawa nilai min dan median bagi murid PB yang berumur 17 tahun menunjukkan peningkatan dari aspek KPS berbanding murid PB yang berumur 16 tahun berdasarkan filem-filem terpilih yang dipertontonkan di dalam kelas.

## Perbincangan

Berdasarkan perbincangan soalan kajian pertama; lebih dari 70% murid PB suka menonton filem berunsurkan Sejarah. Penggunaan filem membolehkan mereka menganalisa, mentafsir, mengimajinasi dan membuat rasionalisasi dalam persekitaran pembelajaran yang selesa dan menyeronokkan. Di samping itu, ianya dapat memaksimumkan potensi murid PB untuk memahami kandungan pembelajaran dalam subjek Sejarah itu dengan lebih cepat tanpa perlu menghafal fakta semata-mata. Murid tertarik dengan filem yang ditayangkan dan berasa seperti diri mereka berada dalam filem tersebut (Litvin, 2022 & Pamela, et al, 2022). Filem telah membantu ramai murid di Amerika Syarikat untuk memahami masa lalu dan ia telah digunakan oleh ramai guru dan perlu diingatkan juga bahawa peranan guru amat diperlukan dalam memberi panduan kepada murid di dalam kelas (Metzger, 2010). Filem dianggap sebagai karya kreatif yang menggunakan imej, warna, muzik, dan untuk menceritakan sesuatu yang berbeza daripada teks asal filem tersebut (Muhammad Azmi, 2017, Domke, et al., 2018 & Rabaah Abdullah, 2021). Subjek Sejarah yang dianggap membosankan oleh murid menjadi lebih menarik apabila guru menggunakan filem sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas (Arlyan Merryasni, et al., 2022). Kuasa dan potensi filem dalam PdPc subjek Sejarah tidak dapat dinafikan seiring dengan peningkatan mendadak dan kepelbagaiannya yang tersedia di platform digital seperti *YouTube*, *Netflix* dan *Amazon Prime* (Peters, 2020). Selain itu, murid dapat berfikir secara kritis dan imaginatif tentang kehidupan manusia pada waktu silam hingga kini dengan menonton filem. Penggunaan filem boleh membantu murid untuk memahami budaya Asia dengan lebih jelas (Litvin, 2022). Menurut Nurul Hafizah Maarof et al. (2022), kadar min bagi persepsi murid PB tentang penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah adalah tinggi bermaksud keberkesanan penggunaan filem dalam PdPc subjek Sejarah amat membantu dalam merangsang minat murid PB untuk mempelajari subjek Sejarah.

Berdasarkan perbincangan soalan kajian kedua: penggunaan filem dapat mempengaruhi peningkatan KPS murid PB berdasarkan markah ujian pra dan pasca. Format soalan Sejarah mestilah bersesuaian dengan umur dan kebolehan murid dengan mengemukakan soalan yang memerlukan kepada KPS murid contohnya mengapa sesuatu perkara itu berlaku, bagaimana sesuatu itu berlaku dan sebagainya (Arlyan Merryasni et al., 2022). Kadar min bagi semua konstruk keberkesanan filem dalam PdPc subjek Sejarah adalah tinggi termasuklah konstruk KPS (Nurul Hafizah Maaror et al., 2022). Filem boleh menarik minat murid dalam menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (Metzger, 2010, Russell, 2012, Stoddard, 2012 & Lee Bih Ni & Nurul Asyikin Hassan, 2023). Filem Hollywood mempunyai keupayaan untuk mengembangkan pemahaman murid tentang Sejarah termasuk mentafsir bukti, meningkatkan empati, meneroka perspektif Sejarah, dan menghubungkan masa lalu dengan masa kini dan kehidupan sendiri (Marcus, 2005). Pendidikan seharusnya mengembangkan pemikiran murid, bukan dengan memberitahu mereka apa yang perlu difikirkan tetapi dengan membantu mereka mencari makna pembelajaran yang sebenar (Jordan Maria, et al., 2019). Murid yang mengikuti proses inkuiri ini di dalam kelas dapat memperkasakan KPS mereka dan berfikir seperti seorang Sejarawan apabila berinteraksi dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Sejarah (Callaway, 2020). Filem dapat memberi ruang kepada murid untuk menggunakan KPS mereka dalam menganalisa sumber Sejarah. (Wagner, 2018)

Berdasarkan perbincangan soalan kajian ketiga: terdapat hubungan antara peningkatan KPS dengan bilangan murid PB yang mempunyai peringkat umur yang berbeza. Menurut Nurul Hafizah Maarof et al. (2021), umur murid memainkan peranan yang penting dalam

menentukan keupayaan murid PB dalam mempraktikkan KPS bagi item kemahiran identifikasi bukti Sejarah, rasionalisasi Sejarah dan kronologi Sejarah. KPS khususnya dalam elemen penggunaan sumber Sejarah dikuasai oleh murid yang lebih berusia berbanding murid yang lebih muda (Callaway, 2020). KPS perlu diajar secara konsisten dari peringkat awal persekolahan kerana pendedahan yang lebih awal dapat membantu murid untuk lebih mahir seiring dengan peningkatan usia murid pada masa akan datang. Menguasai KPS memerlukan masa yang lebih lama dari menguasai ilmu fakta Sejarah itu sendiri (Said Hamid Hasan, 2010 & Burnett & Cuevas, 2023).

## Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lebih dari 70% murid PB suka menonton filem yang berunsurkan Sejarah, penggunaan filem terbukti dapat meningkatkan KPS murid PB dan terdapat hubungan antara peningkatan KPS dengan bilangan murid yang mempunyai peringkat umur yang berbeza. Justeru, pengintegrasian elemen KPS melalui pengaplikasian filem sememangnya dilihat sebagai pendekatan pembelajaran yang sangat baik untuk menerapkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif di kalangan murid PB. Namun, sepanjang menjalankan kajian ini terdapat beberapa limitasi antaranya kesukaran untuk mendapatkan filem yang mempunyai alih bahasa dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, pelajar adakalanya terlupa untuk menonton penuh filem tersebut mengikut kelapangan masa sendiri dan guru juga berhadapan dengan cabaran untuk meneliti setiap fakta yang terkandung dalam filem yang dipilih untuk tontonan murid PB. Oleh yang demikian, amatlah diharapkan pada masa akan datang akan ada ramai lagi pengkarya filem di tanah air dapat menghasilkan filem yang bergenre Sejarah agar ianya dapat membantu para guru khususnya dalam menjadikan pedagogi mereka sentiasa segar dan relevan.

## Penghargaan

Settinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada rakan-rakan penyelidik iaitu Nurul Suzaina Bt. Joli, Nor Syamilah Bt. Md Zin, Raja Muhammad Imran B. Raja Abdul, Azizah Bt. Mohd Zahidi serta semua responden atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih diucapkan kepada Pusat PERMATA@Pintar Negara, UKM atas dana yang diberikan bagi tujuan kajian, seminar dan penerbitan yang dilaksanakan.

## Rujukan

- Asyrum Fikri, Mahdum Mahdum, & Isjoni Isjoni. (2022). The Development of Local History Learning Model Based on Progressivism to Promote Historical Thinking Skills. *Ta'dib*, 25(1), 105-116. Diambil semula dari [https://scholar.google.com/citations?view\\_op=view\\_citation&hl=id&user=7NyyzdgA AAAJ&citation\\_for\\_view=7NyyzdgAAAAJ:K1AtU1dfN6UC](https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=id&user=7NyyzdgA AAAJ&citation_for_view=7NyyzdgAAAAJ:K1AtU1dfN6UC)
- Aryyan Merryasni, Umasih, & Sarkadi. (2022). Utilization of historical film as a history learning media to increase history awareness in SMA negeri 50 Jakarta. *Journal of Education and Technology*, 6(1), 130-140. <https://doi.org/10.29062/edu.v6i1.404>
- Burnett, L. & Cuevas, J. (2023). Using historical thinking strategies for improving elementary students' content knowledge and attitudes towards social studies. *Georgia Educational Researcher*, 20(1), 28-96. <https://doi.org/10.20429/ger.2023.200102>
- Callaway, A. (2020). *Analyzing students' historical thinking skills at different grade levels*. (Master's thesis). Eastern Illinois University, United States. Diambil semula dari <https://thekeep.eiu.edu/theses/4840/>

- Jordan Maria, Anuar Ahmad & Mohd Mahzan Awang. (2019). The applications of historical thinking skills in teaching and history learning: Between rhetoric and reality. Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities, 2, 221-229. <https://doi.org/10.32698/GCS.01101>
- Kaviva, M. (2021). Penerapan pemikiran Sejarah dalam pendidikan Sejarah: Satu sorotan kajian. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 6(11), 490-500. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063>
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Sejarah. (2016). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diambil semula dari <http://ipim.jmm.gov.my/sites/default/files/dockokurikulum/DSKP-KSSM-SEJARAH-TINGKATAN-1.pdf>
- Lee Bih Ni & Nurul Asyikin Hassan. (2023). Memupuk kemahiran pemikiran Sejarah dalam pengajaran Sejarah. Jurnal Pemikir Pendidikan, 11(1), 81-87. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4283>
- Litvin, E.A. (2022). From historical thinking concepts to historical skills. Agora, 57(1), 20–25. Diambil semula dari [1c0926030e780fd2481da029def0276f.pdf](https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4283)
- Metzger S.A. (2010). Maximizing the educational power of history movies in the classroom. The Social Studies, 101(3), 127–136. <https://doi.org/10.1080/00377990903284047>
- Muhammad Azmi (2017). Learning History through Historical Movies: Bringing Living History into Classroom. Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR), 158, 473-479. <https://doi.org/10.2991/ictte-17.2017.64>
- Nurul Hafizah Maarof, Nurul Suzaina Joli, Kamarul Zaman Hamzah & Rorlinda Yusof. (2021). Persepsi amalan kemahiran pemikiran Sejarah: Tinjauan terhadap perbezaan pencapaian murid pintar dan berbakat. International Journal of Modern Education, 3(10), 1-18. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.310001>
- Nurul Hafizah Maarof, Nurul Suzaina Joli, Norfiza Afandi, Nor Syamilah Md Zin & Rorlinda Yusof. (2022). Persepsi murid pintar dan berbakat terhadap penggunaan filem dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Sejarah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 7(10), 1-14. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1818>
- Okoye, M.D.B.U. (2013). Roles of parents and teachers in the identification and development of gifted/talented students. (2013). Academic Journal of Interdisciplinary Studies, 2(10), 25-35. Diambil semula dari <https://www.richtmann.org/journal/index.php/ajis/article/view/1693>
- Pamela Ayesma, Kurniawati & Nurzengky Ibrahim. (2022). Filem sejarah dalam pembelajaran sejarah di SMA. Jurnal Pendidikan Sejarah, 11(1), 131-147. <https://doi.org/10.21009/JPS.102.03>
- Peters, W. (2020). Film in history education: A review of the literature. The Social Studies, 111(6), 275–295. <https://doi.org/10.1080/00377996.2020.1757598>
- Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali & Adnan Jusoh. (2021). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema “Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19”. Jurnal Perspektif, 13(1), 1-13. Diambil semula dari <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.1.2021>
- Renzulli J.S. (2012). Reexamining the role of gifted education and talent development for the 21st century: a four-part theoretical approach. Gifted Child Quarterly, 56(3), 150-159. <https://doi.org/10.1177/0016986212444901>
- Russell W.B. (2012). The reel history of the world: teaching world history with major motion pictures. Social Education, 76(1), 22–28. Diambil semula dari [https://www.socialstudies.org/system/files/publications/articles/se\\_760122.pdf](https://www.socialstudies.org/system/files/publications/articles/se_760122.pdf)

- Said Hamid Hasan. (2010). The development of historical thinking and skills in the teaching of history in the senior secondary school curriculum in Indonesia. *International Journal of History Education*, 11(2), 1-23. <https://doi.org/10.17509/historia. V 11i2.12324>
- Stoddard, J.D. (2012): Film as a ‘thoughtful’ medium for teaching history. *Learning, Media and Technology*, 37(3), 271-288. <https://doi.org/10.1080/17439884.2011.572976>
- Wagner D. A. (2018). Teacher’s use of film in the history classroom: A survey of 19 high school teachers in Norway. *Journal of Humanities and Social Science Education*, 8(1), 22 –44. Diambil semula dari <https://journals.lub.lu.se/nordidac>